

26/09/1998

MCA nasihatkan rakyat serah kepada polis

KOTA BHARU, Jumaat - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menasihati rakyat supaya menyerahkan kepada polis dan mahkamah untuk menyelesaikan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, adalah tidak betul bagi seseorang itu mencampuri urusan yang beliau bukan pakar seperti mengambil alih tugas polis dan mahkamah dalam menyelesaikan isu Anwar.

"Pendapat saya, itu semua soal peribadi dan lebih baik jangan tuduh menuduh, biarlah polis siasat dan mahkamah tentukan beliau bersalah atau tidak," katanya selepas melancarkan pameran sekolah bistari bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina Kelantan di sini, hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, apa yang patut dilakukan rakyat ialah memberi tumpuan untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara yang akan memberikan faedah kepada semua orang.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard yang mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd, berhubung isu Anwar, Dr Ling berkata negara luar yang cuba mencampuri urusan dalaman Malaysia adalah tidak bijak.

Adalah tidak wajar bagi negara luar yang tidak melakukan siasatan tetapi mengeluarkan pandangan berhubung pemecatan Anwar.

"Oleh kerana tidak ada siasatan, pandangan itu tidak berasas," katanya.

Sementara itu, Dr Ling berkata MCA sedang melaksanakan kempen menggalakkan pelajar menggunakan komputer bagi meningkatkan pembelajaran.

Beliau berkata, ibu bapa perlu memainkan peranan aktif bagi memastikan anak-anak dapat menguasai teknologi maklumat kerana ia amat berguna pada masa depan.

(END)